

21/07/1997

MB mungkin temui Mahathir jelas tindakan Jais

SHAH ALAM, Ahad - Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, jika perlu bagi memberi penjelasan terhadap tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menangkap dan mendakwa tiga model sambilan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik di negeri itu, baru-baru ini.

Abu Hassan berkata, jika perlu beliau akan menemui Dr Mahathir sekembalinya Perdana Menteri dari luar negara bagi menjelaskan perkara itu dan tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan negeri bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai undang-undang Syariah yang diwartakan di Selangor.

Beliau berkata, kerajaan negeri memandang serius teguran yang dibuat oleh Perdana Menteri dan perlu mengambil satu pendekatan bagi memberi penjelasan dan maklumat secukupnya kepada rakyat mengenai undang-undang Syariah di Selangor.

"Perkara ini mendapat perhatian kerajaan negeri dan selepas mengikuti taklimat Jais minggu lalu, saya meminta satu pendekatan diambil oleh Jais untuk menjelaskan dan memaklumkan secukup-cukupnya kepada orang ramai berkaitan undang-undang Syariah yang diwartakan di negeri ini.

"Kita juga akan membawa perkara ini ke peringkat jawatankuasa untuk penyelarasan dengan apa yang dibuat di peringkat kebangsaan supaya tidak menimbulkan masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Badan Perhubungan Umno ke-9 di sini, hari ini.

Abu Hassan mengulas kenyataan Perdana Menteri dalam sebuah akhbar mingguan, hari ini, yang menyatakan bahawa Kerajaan Pusat menghadapi masalah menyeragamkan undang-undang Islam di Malaysia kerana tiada kuasa berbuat demikian sebaliknya soal agama terletak pada raja.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, masalah itu bertambah apabila mereka yang diberi kuasa tidak tahu menggunakan kuasa berkenaan.

(END)